



SKOP & KONSEP CUKAI JUALAN

PROGRAM HANDHOLDING 2.0 - "INDIRECT TAX & VOLUNTARY DISCLOSURE"

Farah Asniza binti Ahmad Sabri
Penguasa Kastam
Cawangan Dasar Cukai Jualan
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Ibu Pejabat JKDM

PENAFIAN : Maklumat yang ditunjukkan dalam pembentangan ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai **layanan ke atas cukai jualan** dan tidak bertujuan untuk menjawab sebarang kemungkinan **isu cukai jualan** di masa akan datang. Maklumat yang dinyatakan adalah betul pada tarikh pembentangan dan telah mengikut prosedur yang digariskan oleh pihak Jabatan, sekiranya terdapat sebarang pindaan, JKDM berhak untuk membuat pindaan dengan sewajarnya.

KANDUNGAN



1

Konsep Cukai Jualan

- ❖ Latar belakang CJ
- ❖ Maksud pegilang
- ❖ Maksud barang
- ❖ Transaksi Jualan

2

Skop & pengenaan Cukai Jualan

- ❖ Barang pengilangan tempatan
- ❖ Barang Import
- ❖ Definisi dan Penentuan Pengilangan
- ❖ Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai

3

Kategori & penentuan barang berdasarkan kadar cukai

- ❖ Barang bercukai
- ❖ Barang Dikecualikan cukai
- ❖ Kadar Cukai Jualan

4

Pendaftaran

- ❖ Tanggungan untuk berdaftar
- ❖ Pengiraan Nilai Jualan Barang Bercukai
- ❖ Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai
- ❖ Jenis – jenis Pendaftaran

5

Tanggungjawab Pengilang

6

Perakaunan di bawah Cukai Jualan

- ❖ Invois
- ❖ Nota Kredit & Debit


7

Layanan Khas Cukai Jualan

- ❖ Kawasan Ditetapkan
- ❖ Kawasan Khas



Tajuk 1: Konsep Cukai Jualan




Tafsiran: Subseksyen 2(1) Akta Cukai Jualan 2018

Selari Akta Penyelarasan
Industri 1975



Pengilang ??

Seseorang yang
melibatkan diri dalam
pengilangan barang



Barang ??

Semua jenis harta alih

Jualan termasuk :

- Barter
- **Pelupusan barang** dengan hak untuk membeli atau atas terma yang memperuntukan bahawa penjual mengekalkan kepentingan dalam barang itu
- Penghantaran barang di bawah apa-apa syarat berkenaan dengan **pembayaran pada masa hadapan**





Topik 2: Skop & Pengenaan Cukai Jualan

Subseksyen 8(1), Akta Cukai Jualan 2018

- Suatu cukai yang dikenali sebagai cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas **semua barang bercukai**

1

Dikilangkan di Malaysia oleh pengilang berdaftar :

- ❖ Dijual
- ❖ Digunakan @
- ❖ Dilupuskan

2

Diimport ke dalam Malaysia oleh mana-mana orang

Bagaimana cukai jualan dikenakan di peringkat pengilangan?



Bagaimana cukai jualan dikenakan di peringkat pengimportan?



Penentuan Pengilangan



➤ Subseksyen 3(1), Akta Cukai Jualan 2018

a Berhubung dengan barang **selain petroleum**

Penukaran secara manual atau mekanikal kepada suatu produk baru dengan:

- 1) Mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti
- 2) Pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain

b Berhubung dengan **petroleum**

- ❖ Proses penapisan termasuk pemisahan, penukaran, penulenan dan pengadunan bagi aliran penapisan (refinery) atau aliran petrokimia (petrochemical)

Penentuan Pengilangan

❑ barang selain dari petroleum

1. Melalui penukaran



Penentuan Pengilangan



❑ barang selain dari petroleum

2. Melalui pemasangan



Pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera



Pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu produk lain




TETAPI, tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan.

Penentuan Pengilangan

petroleum

berhubung dengan petroleum, proses penapisan yang termasuk pemisahan, penukaran, penulenan dan pengadunan aliran penapisan atau aliran petrokimia.




Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai



Seksyen 9, Akta Cukai Jualan 2018




1 yang dijual oleh orang kena cukai; atau



2 yang dikilangkan oleh orang kena cukai dan—
(i) digunakan olehnya selain sebagai bahan bagi mengilang barang bercukai; atau
(ii) dilupuskan olehnya selain dengan cara jualan, nilai jualan barang bercukai itu hendaklah ditentukan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (PENENTUAN NILAI JUALAN BARANG BERCUKAI) 2018



Asas utama dalam penentuan nilai jualan

Harga yang baginya barang bercukai yang dinilai itu sebenarnya dijual apabila dijual oleh pengilang berdaftar

Nilai urusanniaga barang bercukai yang dinilai tidak terpakai jika:

- Pembeli dan pengilang berdaftar mempunyai kaitan pada masa barang bercukai yang dinilai tersebut dijual,
- Barang bercukai yang dinilai itu digunakan atau dilupuskan oleh pengilang berdaftar selain dengan cara jualan, atau
- Pegawai cukai jualan yang hak mempunyai sebab untuk meragui kebenaran atau ketepatan nilai urusanniaga itu.



Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai

❖ **Barang Bercukai Diimport seksyen 9(2) ACJ 2018:**

nilai jualan barang bercukai itu hendaklah jumlah amaun yang berikut:

- (a) nilai barang bercukai itu bagi maksud duti kastam **mengikut Akta Kastam 1967**;
- (b) **amaun duti kastam**, jika ada, yang telah dibayar atau kena dibayar ke atas barang bercukai itu; dan
- (c) **amaun duti eksais**, jika ada, yang telah dibayar atau kena dibayar ke atas barang bercukai itu.

Contoh :

	Scenario 1	Scenario 2	Scenario 3
	No exemption on ID & ED	50% ID exemption 0% ED exemption	ID & ED Full exemption
Customs value (CIF)	33,000.00	33,000.00	33,000.00
Import Duty (eg. 30%)	9,900.00	4,950.00	0.00
Anti Dumping Duty (eg. 15.75%)	0.00	5,197.50	0.00
CIF + ID + ADD	42,900.00	43,147.50	33,000.00
Excise duty (eg. 10%)	4,290.00	4,314.75	0.00
Value for Sales Tax	47,190.00	47,462.25	33,000.00
ST @ 10%	4,719.00	4,746.22	3,300.00

Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai

- ❖ Penentuan Nilai Jualan Kerja Dilakukan (Subkontrak) subseksyen 9(3), Akta Cukai Jualan 2018



❑ tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah

Topik 3: Kategori & penentuan barang berdasarkan kadar cukai



Barang bercukai

- ❖ barang daripada kelas atau jenis yang tidak dikecualikan daripada cukai jualan
- ❖ Makanan yang diproses/ barang elektrik/ produk petroleum/ perabot



VS

VS

Barang dikecualikan dari cukai jualan



- ❖ Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2022
- ❖ Barang keperluan asas seperti ubat/ makanan segar/ buku-buku/ peralatan peribadi



Kategori & penentuan barang berdasarkan kadar cukai

- ❖ **Barang bercukai** ertinya barang daripada kelas atau jenis yang **TIDAK DIKECUALIKAN** daripada cukai jualan

Makanan Diproses

- ❖ Biskut
- ❖ Buahhan
- ❖ *Dry noodle*
- ❖ Daging diproses atau ikan
- ❖ *Butter, margarine*
- ❖ Jem

Produk Petroleum

- ❖ Eg: Tariff code 27.10 of RON 97 dan ke atas

Barang Kegunaan Peribadi

- ❖ Shampoo
- ❖ Ubat Gigi
- ❖ Gel Mandian

Barang Elektrik

- ❖ Mesin Basuh
- ❖ TV
- ❖ Peralatan Elektronik
- ❖ Telefon Pintar
- ❖ Peralatan Komputer

Perabot

- ❖ Sofa
- ❖ Katil

Kegemaran Pelancong

- ❖ Jam
- ❖ Kamera
- ❖ Cermin Mata

Makanan & Minuman

- ❖ Minuman (Coke, 100+)
- ❖ Coklat
- ❖ Aiskrim

Lain-lain

- ❖ Minyak Enjin untuk kenderaan
- ❖ Minyak Brek
- ❖ Produk Tembakau
- ❖ Cat

Kategori & penentuan barang berdasarkan kadar cukai



❑ Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2022

Barang Makanan

- Beras
- Daging lembu, Daging kambing and Ayam
- Makanan Laut
- Buah-buahan & Sayuran
- Sardin
- Minyak Masak
- Kopi
- Roti

Mesin

- Mesin *Vending*
- *Escalator*
- Mesin Industri

Kesihatan

- Ubat-Ubatan
- Peralatan bantuan pendengaran
- *Pacemaker*
- *Paracetamol*

Peralatan peribadi

- *Deodorant*
- *Sanitary towels*
- *Baby diapers*

Haiwan hidup

- Kuda
- Ikan
- Kambing & Biri-biri

Barang lain

- Suratkhabar
- Buku-buku
- Kerusi roda

Vehicle

- Motorsikal di bawah 250cc
- Basikal





4 April 2023
4 April 2023
P.U. (A) 109

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI JUALAN
(BARANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI)
(PINDAAN) 2023

*SALES TAX (GOODS EXEMPTED FROM TAX)
(AMENDMENT) ORDER 2023*

Pindaan Jadual A

2. Perintah Cukai Jualan (Barang yang Dikecualikan daripada Cukai) 2022 [P.U. (A) 175/2022] dipinda dalam Jadual A—

- (a) berhubung dengan kepala 12.07, dengan memotong subkepala 1208.10.00 00 dan 1208.90.00 00 dan butir-butir yang berhubungannya;
- (b) berhubung dengan kepala 30.06, dalam sub kepala 3006.93.00 00, dalam ruang (3), dengan memotong perkataan "(Solely for medicaments)"; dan
- (c) berhubung dengan kepala 84.38, dengan memotong subkepala 8438.90.19 00 dan butir-butir yang berhubungannya.

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2022



semua barang pengilangan adalah bercukai jualan melainkan dikecualikan



*specific
Rate*

02

Jadual Pertama

01

Kadar ditetapkan

03

Jadual Kedua

Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2022



31 Mei 2022
31 May 2022
P.U. (A) 176

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE

PERINTAH CUKAI JUALAN (KADAR CUKAI) 2022

SALES TAX (RATES OF TAX) ORDER 2022

Kadar cukai jualan

2. (1) Kadar cukai jualan yang hendak dikenakan dan dilevikan hendaklah ditetapkan pada sepuluh peratus ke atas semua barang keculi—

- (a) barang yang termasuk dalam mana-mana perintah pengecualian yang dibuat di bawah seksyen 35 Akta Cukai Jualan 2018; dan
- (b) barang yang diimport pada atau dengan mana-mana orang yang memasuki Malaysia atau dalam bagasi orang itu dan barang itu bukan bagi kegunaan perdagangan, tidak termasuk kenderaan bermotor, minuman keras, spirit, tembakau, rokok, tayar dan tiub.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2022 [P.U. (A) 176/2022] dipinda dalam subperenggan 2(1) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

- “(b) barang yang diimport pada atau dengan mana-mana orang yang memasuki Malaysia atau dalam bagasi orang itu dan barang itu bukan bagi kegunaan perdagangan, tidak termasuk—
 - (i) kenderaan bermotor;
 - (ii) minuman keras;
 - (iii) spirit;
 - (iv) rokok;
 - (v) produk tembakau;
 - (vi) paip tembakau (termasuk kepala paip);
 - (vii) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;
 - (viii) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak;
 - (ix) tayar; dan
 - (x) tiub.”

P.U.(A)102 berkuat kuasa pada 1 April 2023

Kadar Cukai

- ❖ Kadar cukai jualan yang hendak dikenakan dan dilevikan hendaklah ditetapkan pada kadar sepuluh peratus (10%) ke atas semua barang **kecuali** –



10%

barang yang diimport pada atau dengan mana-mana orang yang memasuki Malaysia atau dalam bagasi orang itu dan barang itu bukan kegunaan perdagangan, tidak termasuk

barang yang termasuk dalam mana-mana perintah pengecualian yang dibuat di bawah Seksyen 35 Akta

- ❖ kenderaan bermotor
- ❖ minuman keras
- ❖ spirit
- ❖ tembakau
- ❖ rokok
- ❖ produk tembakau
- ❖ paip tembakau (termasuk kepala paip)
- ❖ rokok elektronik dan peranti pengewapan peribadi yang serupa

- ❖ sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi atau tidak mengandungi nikotin atau tidak
- ❖ tayar
- ❖ tiub.


P.U.(A)102 berkuat kuasa pada 1 April 2023

Menentukan Kadar Cukai

Barang


Adakah barang disenaraikan di dalam Perintah Cukai Jualan (Barang yang dikecualikan Daripada Cukai)2022

Adakah barang disenaraikan di dalam Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai)2022



Topik 4: Pendaftaran

Siapa yang bertanggung untuk berdaftar?





Pengiraan Nilai Jualan Barang Bercukai

**Kaedah
Sejarah
(*Historical
Method*)**

Mencampurkan nilai jualan barang bercukai bagi bulan tersebut dengan nilai jualan barang bercukai 11 bulan yang lepas atau sebahagiannya.

**Kaedah Ke
hadapan
(*Future
Method*)**


Mencampurkan nilai jualan barang bercukai bagi 11 bulan ke hadapan atau sebahagiannya.

Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai



Penentuan nilai jualan barang cukai ditentukan dengan mengambil kira:

- ✓ Jualan Tempatan pengilangan barang-barang bercukai
- ✓ Caj yang dikenakan bagi kerja yang dilakukan dalam mengilang barang-barang bercukai (kerja sub-kontrak)
- ✓ Pengilangan barang-barang bercukai dan dieksport (termasuk penghantaran ke **Kawasan Ditetapkan (DA) & Kawasan Khas (SA)**).



TIDAK mengambil kira:

- ✗ Nilai jualan pengilangan **barang-barang yang dikecualikan dari cukai jualan**
- ✗ **Trading** bagi barang-barang mentah, komponen atau bahan pembungkusan



Pendaftaran



25.01.2022

Capai *threshold*
(Sek. 12 ACJ 2018)

18.02.2022

Mohon daftar Sek.
13(1) ACJ 2018

1.03.2022

Kelulusan tarikh
kuatkuasa pendaftaran
Sek. 13(3)
ACJ 2018

Pendaftaran




**Pendaftaran Wajib
(S.13, ACJ 2018)**

**Pendaftaran Sukarela
(S.14, ACJ 2018)**

**Pengecualian dari
pendaftaran (Seksyen
20, ACJ 2018)**

Topik 5 : Tanggungjawab Pengilang Berdaftar





Tanggungjawab Pengilang Berdaftar

- Pengilang Berdaftar hendaklah menduduki premis di mana pengilang berdaftar menjalankan perniagaannya.
- Pemberitahuan ke atas perubahan butir-butir pengilang berdaftar
- 1.** Mana-mana pengilang berdaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai kanan secara bertulis apabila –
 - a) terdapat perubahan pada nama perniagaannya;
 - b) terdapat apa-apa perubahan pada alamat mana-mana premis perniagaannya;
 - c) terdapat apa-apa perubahan pada pekongsi dalam perkongsian itu;
 - d) terdapat apa-apa perubahan pada status perniagaannya;
 - e) terdapat apa-apa pertukaran atau penambahan bagi barang bercukai; atau
 - f) terdapat pembukaan mana-mana premis baru perniagaan atau penutupan mana-mana premis perniagaan.



Mengemukakan Penyata (S. 26 ACJ 2018)

01

Mengemukakan penyata dalam borang SST-02 mengikut tempoh bercukai dan membuat pembayaran.

02

Mengakaunkan cukai jualan yang genap masa dalam suatu penyata mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan.

03

Penyata SST-02 hendaklah dikemukakan walaupun tiada jualan barang bercukai yang berlaku (nil return).

04

Gagal menghantar penyata / mengemukakan penyata yang tidak betul adalah satu kesalahan

05

Denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya

Mengemukakan Penyata Dan Pembayaran



25.01.2022

18.02.2022

1.03.2022

31.05.2022

Capai *threshold*
(Sek. 12 ACJ 2018)

Mohon daftar Sek.
13(1) ACJ 2018

Kelulusan tarikh
kuatkuasa
pendaftaran Sek.
13(3) ACJ 2018

Tarikh akhir
penghantaran
penyata dan
pembayaran

Mengemukakan Penyata Dan Pembayaran



- ❑ Pengilang/ orang berdaftar boleh mengemukakan penyata SST-02 melalui mana-mana cara berikut:
 - i. **menghantar secara elektronik melalui portal MYSST (DIGALAKKAN)** ; atau
 - ii. menghantar secara manual (cek/deraf bank) dengan memuat turun dan mencetak borang SST-02 dan diposkan ke CPC dialamat berikut sahaja :

Pusat Pemprosesan Kastam (CPC)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Kompleks Kastam WPKL,
No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

- ❑ Penyata yang dihantar ke alamat selain daripada alamat CPC tidak akan diproses.



Penalti Lewat Bayar


- subseksyen 26(8), Akta Cukai Jualan 2018

Tempoh lewat pembayaran Cukai	Kadar Penalti
1 hingga 30 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	10%
31 hingga 60 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	Tambahan 15% (10% + 15% = 25%)
61 hingga 90 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	Tambahan 15% (10% + 15% + 15% = 40%)
91 hari dan lebih daripada hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	40% (maksimum) (10% + 15% + 15%)


Topik 6: Perakaunan di bawah Cukai Jualan



Asas Perakaunan



Tidak melihat kepada bayaran diterima atau dibayar.



Asas Akruan

mengiktiraf dan merekodkan urus niaga, pada masa urus niaga berlaku



Invois Seksyen 21, ACJ 2018

- 1** Setiap pengilang berdaftar hendaklah mengeluarkan invois bagi setiap jualan barang bercukai
- 2** Invois dikeluarkan berkaitan penjualan
- 3** Perlu mengandungi butir-butir yang ditetapkan
- 4** Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris
- 5** Boleh dikeluarkan menggunakan komputer



Nota Kredit

- terdapat pengurangan kepada amaun cukai jualan yang kena dibayar
- mana-mana barang bercukai dikembalikan oleh pembeli atas sebab salah kuantiti, kualiti tidak baik atau cacat atau barang bercukai yang tidak dikontrakkan, dengan syarat bahawa barang bercukai itu belum lagi kemudiannya dijual atau dilupuskan oleh pembeli; atau
- diskaun diberikan berkenaan dengan barang bercukai yang dijual



Nota debit

- terdapat penambahan kepada amaun cukai jualan yang kena dibayar
- Terdapat apa-apa pelarasan harga

nota kredit dan nota debit hendaklah dikeluarkan selepas penyata bagi tempoh bercukai telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah

Penyimpanan Rekod

❑ Kewajipan untuk menyimpan rekod (Seksyen 24, ACJ 2018)

- 1 Dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris
- 2 Dipelihara bagi tempoh tujuh tahun
- 3 Dalam bentuk yang boleh dibaca secara elektronik, hardcopy
- 4 Disimpan di Malaysia

➤ Jika melakukan kesalahan boleh disabitkan di bawah seksyen 24(6) yang membawa hukuman di bawah seksyen 94. (denda tidak lebih RM50k atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya)

■ Rekod berkaitan Pendaftaran

- ✓ SSM

■ Rekod berkaitan aktiviti Perniagaan

- ✓ Invois
- ✓ Nota Debit, Nota Kredit
- ✓ Pesanan Penghantaran, Pesanan Pembelian order
- ✓ Penyata bank, baucar dan sebagainya.
- ✓ Kontrak / Perjanjian

■ Rekod berkaitan Perakaunan

- ✓ Penyata kewangan – Untung & Rugi, Kunci Kira-kira, Imbangan Duga
- ✓ Akaun belum bayar,
- ✓ Akaun belum terima, Lejar am, Jualan, Pembelian, stok, tunai dan lain-lain.

■ Rekod berkaitan percukaian


- ✓ Borang Kastam
- ✓ Borang SST-02 / Pendaftaran
- ✓ Pengisytiharan cukai pendapatan




Topik 7: Layanan Cukai Jualan Di Kawasan Ditetapkan




❖ Seksyen 2, Akta Cukai Jualan 2018 – **Kawasan ditetapkan** ertinya Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor




“Pangkor” iaitu Pulau Pangkor, Pulau Mentagor, Pulau Giam, Pulau Simpan, Pulau Tukun Terindah, Pulau Pelanduk, Pulau Anak Pelanduk, Pulau Landuk, Batu Orang Tua dan Batu Jambal.



“Langkawi” iaitu Pulau Langkawi dan semua pulau bersebelahan yang terletak lebih dekat dengan Pulau Langkawi berbanding dengan tanah besar



“Labuan” iaitu Pulau Labuan dan pulau dibawah tanggungannya iaitu Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan and Daat



“Tioman” iaitu Pulau Tioman, Pulau Soyak, Pulau Rengis, Pulau Tumok, Pulau Tulai, Pulau Chebeh, Pulau Labas, Pulau Sepoi dan Pulau Jahat

Layanan Cukai Jualan Di Kawasan Ditetapkan



❖ Seksyen 49 Akta Cukai Jualan 2018 –

- ❑ Cukai Jualan tidak terpakai bagi apa-apa barang bercukai yang dikilangkan di dalam kawasan ditetapkan selain petroleum.

❖ Seksyen 50 Akta Cukai Jualan 2018 –

- ❑ Tiada cukai jualan boleh dilevikan dan kena dibayar ke atas apa-apa barang bercukai

- Diimport ke dalam kawasan ditetapkan
- Diangkut ke dalam kawasan ditetapkan dari Malaysia
- Diangkut di antara kawasan ditetapkan
- Diangkut dari kawasan ditetapkan ke kawasan khas

selain apa-apa barang bercukai yang diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.



Layanan Cukai Jualan Di Kawasan Ditetapkan



31 Mac 2023
31 March 2023
P.U. (A) 94

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN
BERKENAAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN)
(PINDAAN) 2023

*SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT
OF DESIGNATED AREAS) (AMENDMENT) ORDER 2023*

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) (Pindaan) 2023**.

2. (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2023.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan) 2018 [P.U. (A) 206/2018] dipinda dalam subsusubperenggan 2(a)(vi) dengan menggantikan perkataan "yang tidak mengandungi nikotin" dengan perkataan "sama ada mengandungi nikotin atau tidak".

Layanan Cukai Jualan Di Kawasan Ditetapkan




- ❖ Namun begitu, terdapat barang-barang yang cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan bagi pengimportan atau pengangkutan

Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) 2018



Kawasan Ditetapkan



P.U.(A)94 berkuat kuasa pada 1 April 2023

- (i) petroleum;
- (ii) Rokok;
- (iii) Produk Tembakau;
- (iv) Paip Tembakau (termasuk kepala paip);
- (v) Rokok elektronik dan peranti pengewapan peribadi yang serupa;
- (vi) Sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel , **sama ada mengandungi mengandungi nikotin atau tidak.**

Layanan Cukai Jualan Di Kawasan Khas



1



“ZON BEBAS” ertinya mana-mana bahagian Malaysia yang diisytiharkan di bawah peruntukan subseksyen (1) Seksyen 3 Akta Zon Bebas 1990, menjadi suatu zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas.

2




“GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (GPB)” ertinya Gudang berlesen yang dilesenkan untuk menjalankan proses pengilangan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 65A Akta Kastam 1967.

3



“GUDANG BERLESEN” ertinya sesuatu gudang atau tempat lain yang dilesenkan bagi pengudangan barang-barang berduit di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967.

4



“KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA” ertinya Kawasan yang ditetapkan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Malaysia-Thailand Joint Authority Act 1990.

5



“PETROLEUM SUPPLY BASE” seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 77B Akta Kastam 1967.



Layanan Cukai Jualan Di Kawasan Khas

❑ Seksyen 56 ACJ 2018 –

Akta ini tidak terpakai bagi apa-apa barang bercukai yang dikilangkan di dalam Kawasan khas. Tiada cukai jualan yang boleh dilevikan dan kena dibayar ke atas apa-apa barang bercukai—

- ✓ Diimport ke dalam kawasan khas
- ✓ Diangkut ke dalam kawasan khas dari Malaysia
- ✓ Diangkut di antara kawasan khas
- ✓ Diangkut dari kawasan khas ke kawasan ditetapkan,

selain apa-apa barang bercukai yang diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

■ Cukai Jualan dilevikan dan kena dibayar terhadap semua barang bercukai yang diangkut ke Malaysia dari kawasan khas

- ✓ Dianggap import masuk ke Malaysia
- ✓ Pengikraran kastam dan cukai jualan dipungut di kawasan khas

Layanan Cukai Jualan Di Kawasan Khas

- ❖ Namun begitu, terdapat barang-barang yang cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan bagi pengimportan atau pengangkutan

Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Khas) 2018

1 Barang yang tersenarai di dalam Jadual A yang diimport untuk digunakan di dalam ZB/GB/GBP

- 1) Trak angkat susun / Forklift
- 2) Kren
- 3) Peralatan pejabat / Perabot
- 4) Tayar
- 5) Petroleum and produk petroleum
- 6) Kenderaan bermotor dan alat gantian
- 7) Peralatan hawa dingin
- 8) Semua barang yang tidak digunakan secara langsung dalam aktiviti yang diluluskan di bawah Jadual Pertama dan Kedua Akta Zon Bebas 1990
- 9) Bahan letupan & bahan kimia
- 10) Peralatan pemadaman kebakaran dan pengawalan pencemaran
- 11) Alat bantu pengilangan

P.U.(A)100 effective on 1 April 2023



TASIK KENYIR

- Wain, spirit, bir, minuman keras malta, tembakau dan hasil tembakau

Layanan Cukai Jualan Di Kawasan Khas



- ❖ Namun begitu, terdapat barang-barang yang cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan bagi pengimportan atau pengangkutan

Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Khas) 2018

3 Diimport atau diangkut ke Zon Bebas selain dari zon bebas yang dibenarkan oleh Menteri di bawah Seksyen 6(A) Akta Zon Bebas 1990 bagi **pengesportan semula** barang-barang berikut:

- 1) Rokok
- 2) Produk tembakau
- 3) Paip tembakau (termasuk kepala paip)
- 4) Rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa
- 5) Sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, **sama ada mengandungi nikotin atau tidak**

4

P.U.(A)100 berkuat kuasa 1 April 2023

Diimport atau diangkut ke dalam suatu zon bebas yang dibenarkan Menteri, Seksyen 6 Akta Zon Bebas 1990 bagi barang-barang berikut:

- 1) Rokok
- 2) Produk tembakau
- 3) Paip tembakau (termasuk kepala paip)
- 4) Rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa
- 5) Sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, **sama ada mengandungi nikotin atau tidak**



SEKIAN, TERIMA KASIH.

